

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]**  
**TARIKH : 8.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah menjadi dasar Kementerian untuk menyerap semua graduan pendidikan ke jawatan tetap dalam sistem pendidikan negara; dan
- (b) berapakah jumlah graduan pendidikan yang masih belum mendapat jawatan tetap setakat Disember 2013 dan apakah mekanisme Kementerian untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, pelantikan dan penempatan graduan pendidikan dilaksanakan berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan semasa Kementerian.
- (b) Bagi graduan unjuran KPM keluaran tahun 2013 yang berjumlah 15,049, sejumlah 10,275 telah diperakukan untuk lantikan dan ditempatkan secara berperingkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperakui lantikan tetap oleh SPP.

Berdasarkan *trend* persaraan guru bagi tahun 2014 hingga 2017, adalah dijangka akan berlaku lebih graduan pendidikan setiap tahun kerana jumlah graduan adalah melebihi jumlah jawatan yang dikosongkan oleh guru yang bersara. Oleh yang demikian, KPM telah memutuskan untuk mengambil pendekatan seperti berikut:

- i. memilih graduan yang terbaik berdasarkan merit, keperluan opsyen dan prestasi semasa temu duga untuk dilantik mengisi kekosongan jawatan yang terhad;
- ii. meletakkan graduan yang tidak berjaya dilantik sebagai calon simpanan untuk tempoh satu (1) tahun dan akan dilantik secara berperingkat apabila terdapat kekosongan jawatan; dan
- iii. mempertimbangkan pelepasan kontrak bagi graduan tajaan yang tidak berjaya ditawarkan pelantikan.

Walau bagaimanapun, lebih graduan yang berlaku adalah untuk tempoh sementara dan dijangka akan selesai pada tahun 2018 apabila bekalan graduan dan kekosongan jawatan berada kepada kedudukan yang seimbang.

Rjm

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6609**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah caranya kerajaan dapat mengatasi masalah rakyat warga asing yang gagal dihantar pulang ke negara asal disebabkan keengganan kerajaan warga negara asing tersebut yang tidak mahu menerima mereka pulang kerana tidak mempunyai dokumen diri yang sah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan telah berjaya mengusir seramai 231,949 orang PATI bermula tahun 2008 sehingga 2013. Mengikut laporan Operasi Bersepadu Fasa 2 bagi tempoh 21 Januari 2014 hingga 18 Mac 2014, jumlah PATI yang ditahan di semua depot dan lokap adalah seramai 15,287 orang.**

**Kerajaan telah dan sedang mengambil segala usaha untuk mengusir tahanan tersebut ke negara asal masing-masing dalam kadar segera antaranya termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan dan perwakilan negara PATI yang berkenaan bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan PATI tersebut. Selain itu, Kerajaan juga mengambil inisiatif menghubungi ahli keluarga PATI untuk mendapatkan kerjasama dalam urusan penghantaran pulang termasuk meminta pihak mereka menanggung tambang perjalanan balik.**